



Pelajar lepasan ijazah UMS hadapi banyak 'kesengsaraan'

PENDAFTARAN lepasan ijazah baru sahaja bermula di salah sebuah universiti paling terkemuka di Sabah, Universiti Malaysia Sabah, yang mendakwa sebagai universiti yang berusaha mencapai kecemerlangan hingga ke taraf antarabangsa.

Bagaimanapun, realitinya jauh daripada apa yang dijangkakan. Pelajar lepasan ijazah berhadapan dengan begitu banyak karenah birokrasi yang memusnahkan motivasi hendak melakukan kaji selidik dan cemerlang dalam akademik.

Dalam banyak fakulti, pelajar Sarjana yang dihantui keraguan telah cuba untuk mendapatkan ijazah mereka selama empat tahun! Jangka waktu biasa yang diperlukan untuk menamatkan Ijazah Sarjana ialah dua tahun. Apabila kita menganalisis sebab kepada kelewatan ini, kita akan sedari bahawa sebab utamanya ialah tidak ada kecekapan langsung di kalangan kakitangan penyeliaan.

Tidak ada piawaian tetap berkaitan keperluan graduasi.

Sistem perakaunan tidak cekap, pelajar yang telah ditawarkan biasiswa tidak menerima bayaran mereka mengikut masa yang dijangkakan.

Ini menyebabkan pelajar menghadapi banyak kesulitan. Dengan itu adalah dicadangkan supaya masalah ini dibawa ke perhatian pegawai dan ketua auditor akaun Malaysia kerana ini merupakan pembaziran besar wang pembayar cukai.

Pelajar dihantui keraguan